



Azhar (dua dari kanan) pada program *Bicara Pasca Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14): Menghormati Semangat dan Peruntukan Perlembagaan di UKM Bangi, semalam.*

Pengasingan kuasa Peguam Negara elak perselisihan

➔ Langkah perkukuh kebebasan pendakwaan di pihak kerajaan

Oleh **Norhafzan Jaafar**
hafzan@bh.com.my

► Bangi

Pengasingan kuasa Peguam Negara sebagai penasihat undang-undang kerajaan, pada masa sama menjalankan tugas Ketua Pendakwa Raya, perlu demi mengelak konflik kepentingan.

Selain itu, ia perlu bagi mengukuhkan kebebasan pendakwaan di pihak kerajaan.

Pengamal undang-undang, Azhar Harun, berkata pengasingan kuasa itu akan memastikan Peguam Negara hanya bertindak menasihati kerajaan mengenai perundangan, manakala perkara berkaitan pendakwaan di pihak kerajaan dilakukan oleh Ketua Pendakwa Raya.

"Pengasingan kuasa atau pembahagian kuasa secara tidak rasmi pernah dibuat sebelum ini, iaitu ketika Tan Sri Abu Talib Othman menjadi Peguam Negara

yang membahagikan tugas di antara beliau dan Ketua Pendakwa Raya.

"Pada masa itu, semua kes berkaitan jenayah dilakukan Peguam Negara, manakala Ketua Pendakwa Raya membuat pendakwaan berkaitan kes sivil," katanya ketika program *Bicara Pasca Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14): Menghormati Semangat dan Peruntukan Perlembagaan* di sini, semalam.

2 peranan berasingan

Azhar berkata, pada masa ini, Peguam Negara mempunyai dua peranan berasingan dan berbeza, iaitu sebagai penasihat undang-undang utama kepada kerajaan dan Pendakwa Raya bagi pihak kerajaan.

Sebagai Pendakwa Raya, Peguam Negara sepatutnya bertindak secara bebas dan tidak berat sebelah demi memastikan kepentingan awam, selain tidak dipengaruhi sebarang pengaruh pertimbangan politik.

Azhar berkata, konflik kepentingan dilihat boleh tercetus jika Peguam Negara turut memegang peranan sebagai Ketua Pendakwa Raya.

Bagaimanapun, katanya, pengasingan kuasa berkenaan hanya boleh dilakukan menerusi pindaan Perlembagaan dengan mendapat majoriti dua pertiga persetujuan dalam Parlimen.

"Jadi, untuk menunggu

perkara ini dilakukan secara pindaan Perlembagaan mungkin agak sukar, memandangkan kerajaan yang memerintah sekarang tidak memiliki undi majoriti dua pertiga.

"Namun, Peguam Negara yang baharu dilantik, Tommy Thomas, boleh berbuat demikian dengan melakukan reformasi dalam pembahagian fungsi tugas," katanya.

Ikut Perlembagaan

Mengenai pertikaian pelantikan Peguam Negara bukan daripada kalangan bangsa Melayu dan beragama Islam, Azhar berkata, tidak ada keperluan untuk memenuhi dua kriteria berkenaan berikutan Perlembagaan Persekutuan sudah jelas menyebut Peguam Negara tidak mempunyai kuasa terhadap Mahkamah Syariah.

"Bagaimanapun, Perlembagaan adalah undang-undang buatan manusia dan jika majoriti tetap mahukan Peguam Negara perlu dilantik dalam kalangan mereka yang beragama Islam, perkara itu sebenarnya boleh ditukar menerusi pindaan Perlembagaan.

"Tugas Peguam Negara hanyalah sebagai penasihat undang-undang kerajaan dan berkuasa untuk memulakan prosiding jenayah terhadap sesiapa sahaja, kecuali membabitkan prosiding di Mahkamah Syariah," katanya.